

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejak ditukar dari analog kepada digital berapa peratus dari pengguna TV di seluruh negara yang mendapat faedah dari pertukaran ini. Jika ada yang belum, apa punca kelewatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal, *Analog Switch Off* (ASO) telah dirancang agar dicapai pada tahun 2015. Namun, tarikh ASO dilanjutkan kepada tahun 2019 bagi memastikan ketersediaan rangkaian, sambungan dekoder dan juga penonton. Sehingga kini, semua kawasan berpenduduk boleh menikmati siaran TV Digital *myFreeview* yang mana 95% kawasan diliputi melalui kaedah pemancaran terrestrial manakala lebihan 5% kawasan diliputi melalui kaedah satelit berbanding dengan liputan siaran TV analog yang meliputi antara 60%-98% kawasan berpenduduk sahaja. Memandangkan siaran digital ini adalah percuma, maka tiada rekod bilangan pengguna berdaftar seperti siaran berbayar yang lain contohnya Astro dan HyppTV. Walau bagaimanapun, kini terdapat

sejumlah 5,282,430 penonton siaran TV Digital *myFreeview* berdasarkan kepada laporan syarikat kaji selidik pada April 2020 yang telah dibentangkan kepada Kementerian.

Menjelang penutupan penyiaran TV analog pada Oktober 2019, sejumlah 1,579,942 dekoder percuma telah diagihkan kepada penerima B40 oleh Syarikat MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV). Sekali lagi, MYTV telah mengagihkan sejumlah 339,780 unit dekoder dari November 2019 sehingga Februari 2020. Manakala Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menyediakan tambahan 300,000 unit dekoder kepada golongan B40 dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di seluruh negara. Pemberian sebanyak 92% jumlah dekoder telah diagihkan daripada SKMM sejak Mei lalu dan telah selesai pada 6 November 2020. Jelas di sini bahawa selain daripada Kerajaan telah berjaya menyelesaikan ASO pada tahun 2019, Kerajaan turut prihatin dengan memberikan dekoder secara percuma kepada lebih 2.2 juta golongan B40 dan OKU di seluruh negara bagi menikmati perkhidmatan siaran ini.

Dengan adanya siaran TV Digital melalui *myFreeview*, rakyat telah disediakan dengan 16 saluran TV dan 14 saluran radio secara percuma dan ia dapat dinikmati dengan kualiti *Standard Definition* (SD) dan *High Definition* (HD) di seluruh negara. Di samping itu juga, SKMM telah mengeluarkan 13 lesen baru kepada syarikat penyiar bagi menggalakkan penambahan saluran baru di *myFreeview*.